

PSP juara Roboworld Cup di Beijing

POLITEKNIK Seberang Perai (PSP) telah mencipta sejarah baharu apabila muncul sebagai juara peringkat dunia dalam Kejohanan Bola Sepak Robot Piala Dunia ke-19 di Beijing, China (19th Roboworld Cup), baru-baru ini.

Kejohanan anjuran Persatuan Robot Bola Sepak Antarabangsa (FIRA) itu disertai politeknik dari Malaysia dengan menghantar pasukan gabungan tiga buah politeknik iaitu PSP, Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (Polisas) dan Politeknik Ungku Omar (PUO) bagi mewakili Pasukan Robotik Politeknik Malaysia dalam lima kategori.

PSP sendiri telah menyertai dua kategori iaitu Mirobot dan Simorobot setelah menajaya melepasi pemilihan di Kejohanan Robot FIRA Malaysia yang telah diadakan di Politeknik Sultanah Bahiyah (PTSB) pada bulan Mei yang lalu.

Pasukan PSP terdiri daripada dua orang pensyarah dan tiga orang pelajar iaitu Pensyarah Kejuruteraan Elektrik, Hamadi Ahmad; Pensyarah Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Mohd. Hafiz Haron, manakala pelajar terdiri daripada Muhammad Faiz Shuid, Muhammad Arif Abdul Ghani dan Muhammad Zambri Othman, masing-masing dari jurusan Kejuruteraan Elektrik.

Dalam penyertaan kali ini, pasukan berkenaan telah menyasarkan pingat emas bagi kategori Mirobot dan juga



POLITEKNIK Seberang Perai berjaya membawa pulang pingat emas selepas menumpaskan juara bertahan iaitu pasukan dari China pada perlawanan akhir dengan kiraan gol 6-5.

membawa pulang ilmu dan teknologi robotik sebanyak mungkin dari negara luar yang terlibat untuk meningkatkan lagi taraf profesionalisme bola sepak robot di Malaysia.

Kejohanan ini turut disertai 15 buah negara merangkumi pelbagai kategori bola sepak robotik. Sebanyak 60 pasukan dari United Kingdom, Kanada, Mexico, Korea Selatan, Singapura, China dan Indonesia telah mengambil bahagian dalam pertandingan ini dan pasukan

PSP telah menggondol kejuaraan dalam kategori Mirobot dengan mengalahkan pasukan tuan rumah iaitu China pada perlawanan akhir dengan kiraan gol 6 berbalas 5.

Menurut Pengarah PSP, Zulkifli Ariffin, kejayaan tersebut bermula dengan persediaan yang rapi sejak peringkat awal lagi dengan menyertai beberapa siri perlawanan persahabatan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Politeknik Ibrahim Sultan Johor.

"Kejayaan ini dapat dikecapi selepas pasukan membuat persediaan rapi dan ia juga adalah berkat sokongan padu kepimpinan PSP, pensyarah dan pelajar.

"Kami sentiasa memberi sokongan padu kepada penglibatan pelajar dan pensyarah dalam segala bidang yang diceburi. Sokongan itu bukan sahaja tertumpu pada pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik kuliah, malah meliputi aspek kokurikulum dan penglibatan di luar kelas dalam negara dan luar negara," katanya.

Bagi pengurus pasukan, Hamadi Ahmad, kelebihan menyertai pertandingan robot peringkat antarabangsa ini adalah pelajar telah mendapat pendedahan teori dan praktikal tentang selok belok ilmu robotik yang dipelajari mereka di bilik kuliah.

"Pelajar dapat mengaplikasikan segala kemahiran yang mereka pelajari demi mencapai kejayaan dan mereka juga didedahkan dengan pelbagai jenis teknologi baharu yang dibawa oleh negara lain ketika menyertai pertandingan yang sama," katanya.

Sementara itu, PSP telah membina asas kemahiran dengan menubuhkan Kelab Robotik PSP yang telah disertai oleh ramai pelajar yang berminat dengan tujuan menganjurkan pelbagai aktiviti sokongan seperti klinik robot, pameran, kursus dan lawatan sambil belajar ke institusi pengajian tinggi (IPT) dalam dan luar negara. 